



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

16 JULAI 2022 (SABTU)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

16 JULAI 2022 (SABTU)

Syarikat kurangkan timbangan minyak peket bersubsidi kena tindakan

Melaka: Natijah tidak menimbang minyak masak peket bersubsidi dengan betul, sebuah syarikat pembungkus minyak masak di Melaka berdepan tindakan undang-undang oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Pengarah KPDNHEP Melaka, Norena Jaafar, berkata dalam pemeriksaan pemutihan dijalankan kira-kira 3 petang kelmarin, minyak masak peket dikeluarkan syarikat itu dibungkus dalam kuantiti kurang daripada satu kilogram seperti ditetapkan pada plastik pembungkus sekali gus memberi gambaran palsu ke atas barang yang dikeluarkan.

Katanya, sebagai tindakan, sebanyak 850 peket minyak bersubsidi di premis tersebut disita untuk siasatan di bawah Seksyen 5(1)(b) Akta Perihal Dagangan 2011 dibaca bersama Seksyen 6(1)(b) akta sama.

"Dalam operasi itu, kita melakukan pemeriksaan secara rambang ke atas minyak masak yang dibungkus semula dan mendapati 50 kotak mengandungi 17 peket minyak masak dibungkus kurang daripada satu kilogram setiap satu.

"Berdasarkan pemeriksaan itu, setiap peket kurang 20 hingga 80 gram. Walaupun jumlah itu dilihat kecil tetapi ia adalah satu kesalahan kerana membabitkan subsidi yang diseleweng," katanya kepada pemberita selepas melakukan lawatan di syarikat pembungkusan minyak di Batu Berendam di sini semalam.

Pemeriksaan berkenaan turut disertai EXCO Perpaduan, Penyebrangan, Sumber Manusia dan Hal



Hee Sem dan Norena meninjau proses pembungkusan minyak masak paket di Batu Berendam, semalam.
(Foto BERNAMA)

Ehwal Pengguna negeri Ngwe Hee Sem.

Timbangan tak tepat

Norena berkata wakil syarikat pembungkus berkenaan memberi alasan alat penimbang yang digunakan rosak sehingga menyebabkan berlaku timbangan tidak tepat.

Beliau berkata jika sabit kesalahan, syarikat berkenaan berdepan hukuman denda sehingga RM250,000 bagi kesalahan pertama manakala RM500,000 bagi kesalahan kedua.

Dalam perkembangan lain, semua 12 syarikat pembungkus minyak masak bersubsidi di Melaka diingatkan memberi fokus pada pasaran tempatan sebelum memasarkannya ke pasar

raya atau kedai runcit di luar Melaka.

Beliau berkata pembungkus yang didapati mengalirkan bekalan ke luar Melaka akan dikenakan tindakan dan pada hujung tahun lalu, pihaknya telah menarik kuota sebuah syarikat pembungkus atas kesalahan sama di bawah Seksyen 20 Akta Kawalan Bekalan 1961.

Sementara itu, beliau berkata pihaknya sedang melaksanakan kawalan dalaman ke atas minyak masak peket di semua rangkaian pasar raya dan kedai runcit di sekitar negeri dengan mengehadikan pembelian kepada tiga peket bagi setiap pelanggan selain minyak peket itu hanya dapat dibeli di kaunter pasar raya sahaja.

BERNAMA



Anggota penguat kuasa KPDNHEP Negeri Sembilan memeriksa tangki tempat simpanan minyak diesel bersubsidi di Kampung Bemban Hilir Seremban.

(Foto Ihsan KPDNHEP Negeri Sembilan)

KPDNHEP tumpaskan sindiket seleweng diesel

Seremban: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Sembilan menumpaskan sindiket penyelewengan diesel, susulan serbuan di stor haram di Kampung Bemban Hilir, di sini, kelmarin.

Ketua Pegawai Penguat kuasa KPDNHEP negeri, Abd Muis Samsudin, berkata serbuan pada jam 5.30 petang itu menemukan 31,215 liter diesel bersubsidi dan menahan empat lelaki tempatan berusia antara 29 hingga 42 tahun.

Beliau berkata, ketika serbuan suspek sedang menjalankan kerja pemindahan minyak diesel daripada sebuah mototori tangki dan sebuah mototori bonded yang diubah suai ke dalam tangki minyak di stor berkenaan.

Katanya, semua suspek cuba mlarikan diri, namun berjaya ditangkap pasukan serbuan.

"Pemeriksaan lanjut mendapati terdapat 11 unit tangki petak dan sebuah skid tank yang bersi dengan minyak diesel, diperincayai telah dipindahkan daripada lori berkenaan melalui hos."

"Semakan yang dilakukan

turut mendapati, premis berkenaan tidak mempunyai lesen sah atau apa-apa dokumen kebenaran daripada pengawal bekalan untuk menjalankan urusan barang kawalan bersubsidi diesel.

"Semua diesel, tangki dan dua lori disita dengan nilai rahmasan berjumlah RM269,912.25," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Abd Muis berkata, serbuan itu hasil risikan susulan aduan mengenai kegiatan pembelian diesel di stesen minyak sekitar Seremban.

Beroperasi sejak 6 bulan

"Mereka disyaki melakukan aktiviti penghantaran dan penyimpanan di stor itu kerana kedudukannya dan sudah beroperasi sejak enam bulan lalu," katanya.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Bekalan 1961 kerana menyimpan barang kawalan dengan niat melakukan kesalahan serta Seksyen 20 (1) akta yang sama kerana menyimpan barang kawalan di tempat yang tidak dilesenkan.



ANGGOTA penguat kuasa KPDNHEP Pulau Pinang ketika menjalankan operasi di sebuah kedai runcit di Jalan Pesara Claimant, George Town semalam.

Peniaga kenakan syarat pembelian terima padah

Beli RM10, baru boleh beli minyak peket

Oleh SAFINA RAMLI

GEORGE TOWN — Taktik seorang peniaga yang mengenakan pembelian bersyarat kepada pelanggan bagi mendapatkan minyak masak peket bersubsidi satu kilogram di kedai runcitnya di Jalan Pesara Claimant di sini akhirnya memakan diri kelmarin.

Lelaki tempatan berusia 37 tahun itu ditahan dalam operasi yang dijalankan pihak penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang kira-kira pukul 11 pagi.

Difahamkan lelaki berkenaan mengenakan pembelian bersyarat dengan pelanggan perlu membeli barang melebihi RM10 barulah boleh membeli

minyak peket bersubsidi.

Ketua Pegawaiannya, A. Mogan berkata, serbuan dilakukan hasil aduan orang ramai dan risikan pihaknya sejak beberapa hari lalu.

"Lelaki tempatan itu didapati mengenakan pembelian bersyarat di mana pelanggan perlu membeli barang melebihi RM10 ke atas baru layak membeli dua peket minyak masak bersubsidi," katanya kes tersebut akan disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

Menurut beliau, hasil serbuan tersebut pihaknya turut menyita sebanyak 187 minyak masak peket bersubsidi bernilai RM467.50.

Tambah beliau, pihaknya akan terus giat menjalankan peman-

tauhan serta pemeriksaan terhadap bekalan minyak masak dan barang di sekitar Pulau Pinang.

Kosmo! difahamkan, trend perniagaan sebegini sememangnya sudah lama berlaku melibatkan peniaga-peniaga runcit di pasar awam negeri ini.

Peniaga ini memberi alasan tidak sanggup berdepan kerugian kos beg plastik hanya semata-mata sepeket minyak masak bersubsidi RM2.50 dengan puangan untung hanya satu sen.

Pengusaha dikatakan lebih mengutamakan pelanggan tetap terutama peniaga makanan yang kerap membuat pembelian.

Malah ada juga peniaga yang mengenakan pembelian bersyarat pada kadar maksimum sehingga RM50 setiap hari.

Bungkus kurang 100 gram, 850 minyak peket disita

SEREMBAN — Sebuah kilang pembungkusan minyak masak peket bersubsidi di negeri ini dikesan cuba menipu pengguna dengan mengurangkan jumlah timbangan antara 20 gram hingga 100 gram.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka, Norena Jaafar berkata, tindakan itu dikesan dalam satu operasi pemutihan yang dilakukan sepasukan penguat kuasa semalam.

Katanya, ujian timbangan dilakukan mendapati sebanyak 850 peket minyak masak satu kilogram (kg) yang dibungkuskan adalah seberat sekitar 900 gram sehingga 920 gram.

"Semasa melakukan pemeriksaan rutin semalam, kami dapati sebanyak 850 peket minyak masak bersubsidi telah dibungkus dengan berat tidak sampai 1kg, sebaliknya antara 920 gram hingga 980 gram sahaja.

"Pengilang memberi alasan kesilapan itu disebabkan mesin penimbang rosak, namun berat yang tidak mencukupi itu sa-

ngat ketara dan kerana itu kita telah menyita kesemua minyak peket tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melakukan operasi pemeriksaan pembungkusan minyak masak di sebuah kilang di Taman Merdeka, di sini semalam.

Ujarnya, kilang itu dibenarkan untuk beroperasi, namun di bawah pemantauan pihak KPDNHEP.

Mengulas lanjut Norena berkata, pihaknya tidak menolak kemungkinan bekalan minyak yang tidak cukup berat itu telah berada di pasaran.

"Kita nak lihat perjalanan barang (minyak masak) ke mana dan bukti kukuh diperlukan dalam kes ini sama ada disengajakan atau tidak.

"Jika kita dapat minyak masak ini sudah dihantar ke pasar raya, maka ia akan ditarik semula dan kita panggil pakar untuk menilai dakwaan mengenai mesin timbang rosak," ujarnya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 5(1)(b) Akta Perihal Dagan- gan 2011 dibaca bersama Seksyen 6(1)(b) akta sama.



PASUKAN penguat kuasa KPDNHEP Negeri Sembilan menyerbu sebuah stor haram yang dikesan menyimpan minyak diesel bersubsidi di Kampung Bemban Hilir semalam.

KPDNHEP Melaka sita 850 peket minyak masak bersubsidi

Melaka: Sebanyak 850 peket minyak masak bersubsidi disita daripada sebuah syarikat pembungkus di negeri ini selepas disyaki berlakunya penipuan timbangan berat, kelmarin.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka Norena Jaafar berkata, tindakan syarikat pembungkus minyak peket bersubsidi itu dikesan pihaknya menerusi serbuan dalam operasi pemutihan.

Beliau berkata, ketika serbuan, pihaknya mendapat berat minyak masak peket yang berada di situ tidak sampai satu kilogram.

"Kita buat pemeriksaan secara 'random' (rawak) dan mendapat beratnya kurang iaitu antara 900 hingga 901 gram sahaja.

"Kita sita 50 kotak yang setiap satunya ada 17 peket menjadikan keseluruhan 850 peket dan tindakan lanjut akan diambil ke atas syarikat pembungkus ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melakukan pemeriksaan mengejut di beberapa premis pembungkus minyak peket berlesen di sekitar Batu Berendam, semalam yang turut disertai

Exco Perpaduan Pembangunan Masyarakat, Tengag Kerja dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Ngwe Hee Sem.

Menurutnya, kes itu disiasat mengikut Seksyen 5(1)(b) Akta Perihal Dagaangan 2011 dibaca bersama Seksyen 6(1)(b) akta sama yang boleh didenda sehingga RM 250,000 bagi kesalahan pertama manakala RM 500,000 bagi kesalahan kedua dan seterusnya.

"Alasan yang diberikan pihak premis yang sudah beroperasi sejak 10 tahun lalu itu adalah kerosakan pada alat timbangan selain beberapa masalah teknikal lain.

"Susulan itu kita sedang siediakan kertas siasatan sebelum tindakan lanjut," katanya.

Sementara itu, Norena berkata, sehingga kini lapangan syarikat pembungkus diperiksa KPDNHEP Melaka selepas kerajaan menghapuskan subsidi minyak masuk tulen berbotol bermula 1 Julai lalu.

"Penguat kuasa KPDNHEP mempergiatkan operasi ke atas 12 syarikat pembungkus yang terdapat di Melaka ini bagi memastikan tiada pihak yang cuba mengambil kesempatan," katanya.



NORENA bersama Ngwe (tiga dari kanan) ketika pemeriksaan di sebuah premis pembungkus di Batu Berendam.

Tipu berat minyak masak peket

Pengilang bungkus minyak subsidi kurang daripada 1kg

Oleh NOR FARHANA YA'ACOB
MELAKA

Pemeriksaan mengejut Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka pada Khamis membongkar penipuan sebuah kilang di negeri ini apabila membungkus minyak masak bersubsidi kurang daripada 1 kilogram (kg).

Pengarahnya, Norena Jaafar berkata, pemeriksaan kira-kira jam 3 petang itu mendapat kira-kira 850 pek minyak masak peket kandungan beratnya kurang daripada 1kg.

Menurutnya, meskipun mem-

ber alasan ia berpunca daripada masalah alat timbang rosak, namun pihaknya memandang serius kesalahan itu dan kertas siasatan telah dibuka.

Ketika pemeriksaan dilakukan, katanya, terdapat 50 kotak yang setiap satu berisi 17 pek minyak masak paket bersubsidi yang berat kandungannya berkurangan sebanyak 0.01gram (g) hingga 0.08g.

"Jumlah timbangan memang sangat ketara. Kita dapat ada yang berkurangan sehingga 0.93g daripada berat sebenar 1kg."

"Setakat ini kilang terbabit masih beroperasi seperti biasa, namun kita pantau agar kesalahan itu tidak berulang lagi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas membuat lawatan mengejut di lokasi pengilang minyak masak di Batu Berendam di sini pada Jumaat.

Hadir sama, Exco Perpaduan, Hubungan Masyarakat, Tenaga



Hee Sam (kiri) dan Norena (kanan) menimbang berat minyak masak peket di sebuah kilang di Batu Berendam pada Jumaat.

Kerja dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Ngwe Hee Sam.

Norena berkata, siasatan dijalankan di bawah Seksyen 5(1)(b) Akta Perihal Dagangan 2011

dibaca bersama Seksyen 6(1)(b) akta sama.

Jika sabit kesalahan, kata-nya, boleh didenda sehingga RM250,000 bagi kesalahan per-

tama, manakala RM500,000 bagi kesalahan kedua dan seterusnya.

Selain itu, katanya, sebuah pengilang minyak masak di Jasin disita kerana mengalihkan barang kawalan di luar Melaka.

Menurutnya, pengilang tersebut telah ditarik kuota di bawah Seksyen 20 Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961 kerana melakukan kesalahan itu.

"Kita telah perhatikan (pengilang) itu dari tahun lepas lagi. Bukan sebab Ops Anti Sorok Barang kawalan, tetapi dari tahun lalu kita memerhati pergerakan mereka."

"Pengilang tidak boleh sewenang-wenangnya menghantar bekalan luar dari Melaka bagi memastikan bekalan minyak masak bersubsidi cukup di negeri ini," katanya.

Setakat ini, lapan kilang minyak masak daripada 12 jumlah keseluruhan pengilang diperiksa bermula Julai ini sempena Ops Anti Sorok Barang kawalan.

Stor haram simpan minyak diesel bersubsidi diserbu

SEREMBAN - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Sembilan menyerbu sebuah stor haram yang dijadikan tempat kegiatan penyelewengan minyak diesel bersubsidi di Kampung Bemban Hilir di sini pada Khamis.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Negeri Sembilan, Abd Muis Samsudin berkata, ketika serbuan dilakukan pada jam 5.30 petang, empat lelaki yang sedang melakukan permindahan diesel cuba melaikkan diri, namun berjaya ditangkap.

"Empat suspek didapati sedang menjalankan kerja-kerja permindahan minyak diesel daripada sebuah lori tangki dan sebuah lori bonded yang diubah suai.

"Menyedari kehadiran pasukan penguat kuasa, kesemua suspek cuba melaikkan diri, namun berjaya ditangkap pasukan serbuan," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Menurutnya, pemeriksaan lanjut mendapat 11 unit tangki petak dan sebuah skid tank yang berisi minyak diesel dipercayai telah dipindahkan dari lori-lori berkenaan melalui hos.

Ujarnya, premis itu juga didapati tidak mempunyai lesen sah atau apa-apa dokumen kebenaran daripada pengawal bekalan untuk menjalankan urusan barang kawalan bersubsidi diesel.

"Hasil serbuan itu, sebanyak 31,215 liter minyak diesel termasuk dua buah lori dan peralatan lain yang digunakan untuk kerja-kerja permindahan diesel, disita bagi tujuan siasatan dengan anggaran nilai rampasan berjumlah RM269,912.25," katanya.

FOTO: KPDNHEP



Tangki berisi minyak diesel bersubsidi yang ditemui di stor yang diserbu di Seremban pada Khamis.

Aktiviti seleweng diesel sejak enam bulan lalu tumpas

Seremban: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Sembilan menumpaskan kegiatan penyelewengan diesel bersubsidi berjumlah 31,215 liter dalam serbuan di sebuah stor haram di Kampung Bemban Hilir di sini, kelmarin.

Ketua Pegawai Penguasa KPDNHEP Negeri Sembilan, Abd Muis Sam-sudin berkata, menerusi serbuan hampir lapan jam bermula jam 5.30 petang itu turut dirampas sebuah motolori tangki, lori *bonded* diubah suai, tangki gelongsor, tangki petak dan peralatan untuk kerja pemindahan diesel dengan keseluruhan rampasan RM269,912.25.

Beliau berkata, ketika serbuan, empat lelaki tempatan berumur 29 hingga 42 tahun sedang memindahkan diesel daripada sebuah motolori tangki dan lori *bonded* ke dalam tangki minyak yang berada di kawasan stor berkenaan.

"Mereka cuba milarikan diri selepas menyedari kehadiran pasukan penguasa kua-sa namun berjaya ditahan bagi membantu

**Ketika serbuan
empat lelaki tempatan
sedang memindahkan
diesel**



STOR haram di Kampung Bemban Hilir, Seremban diserbu pihak berkuasa KPDNHEP selepas dijadikan tempat kegiatan penyelewengan diesel bersubsidi.

siasatan. Pemeriksaan lan-jut mendapati 11 tangki petak dan sebuah tangki gelongsor berisi diesel diper-caya dipindahkan daripada lori berkenaan melalui hos.

"Semakan mendapati premis itu tidak mempunyai lesen sah atau apa-apa dokumen kebenaran daripada pengawal bekalan untuk menjalankan urusan ba-rang kawalan bersubsidi di-esel," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, hasil ri-sikan mendapati ada aktiviti pembelian diesel daripada stesen minyak oleh lori tangki berkenaan di se-kitar bandar Serem-ban, selain diper-caya ada aktiviti penghantaran dan penyimpanan di loka-si terbabit.

Menurutnya, lokasi stor yang agak terpencil menjadikan sindiket sukar di-kesan pada peringkat awal penjejak-an dan mereka disyaki menjadikan kawa-san itu sebagai tempat pe-nyelewengan diesel bersub-sidi sejak enam bulan lalu.

Beliau berkata, kes disia-sat mengikut Seksyen 21 Akta Bekalan 1961 kerana me-nyimpan barang kawalan dengan niat melakukan ke-salahan serta Seksyen 20 (1) Akta yang sama kerana me-nyimpan barang kawalan di tempat tidak dilesenkan.

"KPDNHEP negeri akan menjalankan pemantauan dan pengguna boleh menyalurkan maklumat atau adu-an menerusi portal e-adu-an.kpdnhep (<https://eaduan.kpdnhep.gov.my>) dan WhatsApp di talian 019-279 4317," katanya.

31,215 LITRES SEIZED

4 held in raid on illegal diesel store

SEREMBAN: The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry's Negri Sembilan branch crippled a syndicate involved in the misappropriation of 31,215 litres of subsidised diesel in a raid on an illegal store in Kampung Bemban Hilir near here on Thursday.

Its chief enforcement officer Abd Muis Samsudin said during the 5.30pm raid, a lorry tanker, a skid tank, square tanks and other tools and equipment used to transfer fuel were seized, with the total seizure valued at RM269,912.25.

He said four local men, aged 29 to 42, who were caught transferring fuel from the lorry tanker into the skid tank during the raid, were also detained.

"Further checks also found that the premises is not registered to



A Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry officer checking a tank believed to be used to subsidised diesel in Kampung Bemban Hilir Seremban on Thursday. PIC COURTESY OF DOMESTIC TRADE AND CONSUMER AFFAIRS MINISTRY

carry out activities involving controlled goods like subsidised diesel," he said yesterday.

He said it was also found that the syndicate had bought the subsidised diesel from petrol stations around the city here, and the diesel were sent to a storage

facility and kept there.

Muis said the syndicate was believed to have been active for the past six months.

The case was being investigated under Sections 21 and 20(1) of the Control of Supplies Act 1961.

"The ministry's state branch

will continue to monitor such activities. Those with information on the activities or traders who do not comply with the law can lodge complaints at <https://eaduan.kpdnhep.gov.my> or through WhatsApp at 019-279 4317," said Muis. **Bernama**

HARI : SELASA
TARIKH : 16/07/2022
M/SURAT : 16

Senarai Harga Barang Kepakuan			
• Ayam	RM7.99	• Telur Gred A	RM12.90
• Daging Lembu Tempatan	RM36	• Ikan Kembung	RM12.90
• Daging Lembu Import	RM28	• Minyak Masak	RM6.50
• Gula Pasir	RM2.85	• Bawang Besar Holland	RM2.50
• Bawang Putih	RM5	• Kubis Bulat Tempatan	RM3.20
• Cili Merah	RM12.90	• Tepung Gandum	RM2.60

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP